



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Emel : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

04 September 2019

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK DR NORAINI AHMAD,
PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT
SULONG**

BERHUBUNG

**PROSIDING *EDUCATION MALAYSIA GLOBAL SERVICES* DI
BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)
SERTA PROSIDING PENGURUSAN SUBSIDI GAS PETROLEUM
CECAIR (LPG) DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN DAN
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen hari ini, mengadakan dua prosiding membabitkan isu pembangunan *Education Malaysia Global Services* (EMGS) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Pengurusan Subsidi Gas Petroleum Cecair (LPG) di bawah Kementerian Kewangan (MOF) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

- 2) Dalam prosiding pembangunan EMGS, PAC Parlimen mendengar keterangan dan penjelasan daripada Ketua Setiausaha KPM, Datuk Dr Mohd Gazali Abas; Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Datin Paduka Ir Dr Siti Hamisah Tapsir dan Ketua Pegawai Eksekutif EMGS, Shahinuddin Sharif.
- 3) Jawatankuasa ini, diberikan penjelasan mengenai isu-isu EMGS antaranya tadbir urus korporat, membabitkan baki geran mengurus yang diterima daripada Kerajaan berjumlah RM22.13 juta masih tidak digunakan sepenuhnya bagi mencapai tujuan promosi dan pemasaran, data mengenai pelajar antarabangsa yang akan tamat belajar atau ditamatkan pengajian tidak dikemas kini dalam Sistem Permohonan Pendaftaran Pelajar (STARS) milik EMGS dan laporan bagi setiap aktiviti promosi dan pemasaran tidak dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah EMGS.
- 4) Manakala dalam prosiding berhubung Pengurusan Subsidi Gas Petroleum Cecair (LPG) di bawah MOF dan JKDM, PAC Parlimen mendengar penjelasan daripada Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Datuk Siti Zauyah Md Desa yang mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir dan Ketua Pengarah JKDM, Datuk Seri Paddy Abdul Halim.

- 5) Dalam prosiding berkenaan, ahli-ahli PAC Parlimen membangkitkan persoalan mengenai wujud kelemahan dalam pengurusan bayaran subsidi gas LPG, kelemahan dalam aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan, kegagalan syarikat pemborong dan peruncit LPG untuk menyelenggarakan rekod stok dengan lengkap dan teratur serta terdapat premis pemborong dan peruncit yang tidak mempunyai bukti pernah diperiksa oleh pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

- 6) Kedua-dua isu ini, dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 1.

Sekian Terima Kasih

Yang Berhormat Datuk Dr. Noraini Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)
Parlimen Malaysia